SAMPEL PERCUMA

Pentaksiran PdPC STPM 2022 Perakaunan Semester 2 + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Soalan 1

(a) Perihalkan TIGA klasifikasi kos yang utama beserta contoh. [6]

(b) Jelaskan maksud kos boleh diinventorikan. [2]

(c) Maklumat kos berikut telah disediakan oleh Syarikat PVM Bhd bagi tahun berakhir 31 Disember 2021:

	RM
Bahan mentah langsung	270 000
Bahan mentah tak langsung	92 000
Upah operator pengeluaran	400 000
Gaji penyelia pengeluaran	85 000
Upah buruh tak langsung	154 000
Premium kerja lebih masa	52 800
Upah masa terbiar	8 500
Sewa	120 000
Utiliti	28 600
Susutnilai mesin	160 000
Susutnilai peralatan	48 000
Gaji pengurus	120 000
Belanja promosi	82 400
Komisen jualan	50 000
Susutnilai van pengangkutan	30 000
Belanja pentadbiran pejabat	66 800
Insurans kilang	46 000

Maklumat tambahan:
Asas pengagihan kos antara kilang dan pejabat:

	% Pengagihan	
	Kilang	Pejabat
Sewa	80	20
Utiliti	80	20
Susutnilai peralatan	40	60
Gaji pengurus	70	30

Dikehendaki:

Hitung kos-kos berikut:

i. Kos Prima [1½]
ii. Kos Overhed Perkilangan [4]
iii. Kos Penukaran [1½]
iv. Kos Produk [1½]
v. Kos Tempoh [3½]

Soalan 2

(a) Nyatakan dua tujuan mengumpulkan kos dan menentukan kos seunit produk dalam pengekosan tempahan kerja. [2]

(b) Berikut merupakan kos-kos yang terlibat bagi kerja nombor P72 bagi kerja kejuruteraan:

Bahan mentah langsung		RM3 415
Upah buruh langsung	Jabatan 1: 80 jam, RM3.50 sejam	
	Jabatan 2: 60 jam, RM5.00 sejam	
Kos overhed dianggarkan seperti berikut:		
Kos Berubah	Jabatan 1: RM5 000 bagi 4 000 jam buruh langsung	
	Jabatan 2: RM6 000 bagi 3 000 jam buruh langsung	
Kos tetap	RM7 500 bagi 10 000 jam buruh langsung normal	

Dikehendaki:

i. Hitung kos kerja siap bagi nombor kerja P72. [8]

ii. Hitung peratusan keuntungan diperolehi bagi nombor kerja P72 jika harga RM5 184 dibilkan kepada pelanggan [2]

(c) Syarikat Permata Sdn Bhd menggunakan sistem pengekosan proses untuk mengira kos produknya. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Jabatan P bagi bulan Mac 2021 adalah seperti berikut:

	RM
Inventori awal:	
Bahan mentah langsung	60 000
Kos penukaran	12 000
Kos semasa:	
Bahan mentah langsung	180 000
Kos penukaran	126 000
	Unit
Kerja dalam proses, 1 Mac 2021	22 000 (40% siap)
Unit siap dan dipindahkan	80 000
Kerja dalan proses pada 31 Mac 2021	40 000 (30% siap)

Soalan 4

(a) Nyatakan **dua** faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan oleh sesebuah perniagaan apabila membuat keputusan samada perlu menerima atau menolak pesanan khas. [2]

(b) Syarikat Jaya Berhad mengeluarkan meja komputer berjenama BEST. Operasi semasa pada tahap 80% kapasiti mesin. Keputusan operasi syarikat untuk enam bulan pertama bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jualan (30 000)	RM 6,000,000
Tolak : Kos barang dijual	RM 3,240,000
Untung kasar	RM 2,760,000
Tolak : Belanja Operasi	RM 1,500,000
Untung Bersih	RM 1,260,000

Pada bulan Julai 2021, syarikat menerima pesanan khas bagi 6 000 unit BEST pada harga RM180 seunit.Pesanan khas ini perlu disiapkan pada 31 Ogos 2021. Jika pesanan khas itu diterima, syarikat akan menanggung kos tambahan pengangkutan sebanyak RM 2,000.

Maklumat tambahan:

1. Kos berubah ialah 60% daripada kos barang dijual
2. Belanja tetap ialah 45% daripada belanja operasi
3. Mesin khas perlu disewa bagi bulan Julai dan Ogos 2021 untuk menyiapkan pesanan khas itudengan sewaannya sebanyak RM 1,400 sebulan

Dikehendaki:

i. Dengan menunjukkan keuntungan syarikat, cadangkan samada syarikat Jaya Berhad perlu menerima atau menolak pesanan khas itu. [6]

ii. Andaikan pesanan khas itu berjumlah 7 500. Cadangkan samada syarikat perlu menerima atau menolak pesanan khas itu. Tunjukkan perhitungan untuk menyokong jawapan anda. [5]

(c) Syarikat NHA Berhad mengeluarkan selipar berjenama SELESA. Syarikat ini merancang untuk meningkatkan pengeluaran produknya sebanyak 60% pada tahun hadapan. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, syarikat bercadang untuk membeli sebuah mesin tambahan. Syarikat mempunyai dua pilihan berikut:

1) Mesin K yang berharga RM 150 000 dan mempunyai jangka hayat selama empat tahun tanpa nilaiskrap.

2) Mesin S yang berharga RM 250 000 dan mempunyai jangka hayat selama enam tahun tanpa nilaiskrap.

Ramalan syarikat bagi aliran tunai operasi telah mengambil kira kos penyelenggaraan untuk setiap mesin adalah seperti yang berikut:

Tahun	**K (RM)**	**S (RM)**
1	30,000	60,000
2	80,000	100,000
3	90,000	120,000
4	110,000	80,000
5		70,000
6		40,000

Syarikat menjangkakan kos penyelenggaraan mesin K pada setiap tahun ialah RM10,000. Sementarakos penyelenggaraan mesin S pada setiap tahun ialah RM15,000 pada setiap tahun. Kos modal bagi kedua-dua mesin ialah 12%

Dikehendaki:

Berdasarkan perhitungan nilai kini bersih, cadangkan kepada pihak pengurusan syarikat, mesin yang manakah yang patut dibeli. [7]

Soalan 1

(a) TIGA klasifikasi kos yang utama adalah seperti berikut:

1. Klasifikasi kos mengikut fungsi √
   Merujuk kepada kaedah mengkelaskan kos mengikut peranan√ atau kepentingannya dalam sesuatu organisasi. Lazimnya, pengelasan kos cara ini mengkelaskan kos kepada kos perkilangan√ dan kos bukan perkilangan.√

2. Klasifikasi kos mengikut gelagat√
   Merujuk kepada kaedah mengkelaskan kos berdasarkan kepada tingkah laku kos terhadap sesuatu perubahan√, seperti tingkat pengeluaran. Kelakuan kos yang boleh dikenalpasti apabila berlakunya perubahan dalam tingkat aktiviti tertentu adalah kos berubah,√ kos tetap√ dan kos campuran.

3. Klasifikasi kos mengikut pengesanan dan pengalokasian√
   Merujuk kepada kaedah yang mengesan dan mengalokasi kos kepada sesuatu objek kos√. Kaedah ini membantu dalam proses pengukuran sesuatu objek kos. Kaedah ini akan mengenalpasti dua jenis kos iaitu kos langsung√ dan kos tak langsung.√

(12 √ x ½ = 6 m)

(b) Maksud kos boleh diinventorikan merujuk kepada kos produk√ yang akan dianggap sebagai inventori√ perniagaan. Ia adalah aset √perniagaan. Apabila inventori ini dijual, ia akan bertukar menjadi kos barang dijual.√

(4√ x ½ = 2 m)

(c)

i. Kos Prima

	RM
Bahan mentah langsung	√270 000
Upah operator pengeluaran	√400 000
	√670 000

(3 √ x ½ = 1½ m)

ii. Kos Overhed Perkilangan

	RM
Bahan mentah tak langsung	√92 000
Gaji penyelia pengeluaran	√85 000
Upah buruh tak langsung	√154 000
Premium kerja lebih masa	√52 800
Upah masa terbiar	√8 500

Sewa Kilang (80% x RM120 000)√	√96 000
Utiliti Kilang (80% x RM28 600)√	√22 880
Susutnilai mesin	√160 000
Susutnilai peralatan (40% x RM48 000)√	√19 200
Gaji pengurus kilang (70% x RM120 000)√	√84 000
Insurans kilang	√46 000
	√820 380

(16√ x ¼ = 4 m)

iii.

Kos Penukaran

	RM
Upah operator pengeluaran	√400 000
Kos Overhed perkilangan	OF√820 380
	√1 220 380

(3 √ x ½ = 1½ m)

iv.

Kos Produk

	RM
Kos Prima	OF√670 000
Kos overhed perkilangan	OF√820 380
	√1 490 380

(3 √ x ½ = 1½ m)

v.

Kos Tempoh

	RM
Sewa pejabat (20% x RM120 000)√	√24 000
Utiliti pejabat (20% x RM28 600)√	√5 720
Susutnilai peralatan pejabat (60% x RM48 000)√	√28 800
Gaji pengurus (30% x RM120 000)√	√36 000
Belanja promosi	√82 400
Komisen jualan	√50 000
Susutnilai van pengangkutan	√30 000
Belanja pentadbiran pejabat	√66 800
	√√323 720

(14√ x ¼ = 3½ m)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar